

# Percaturan Pas

UM - 29/5/2007

Oleh WAN ZULKIFLI WAN YAACOB  
(WARTAWAN UTUSAN)

**DATUK** Nik Abdul Aziz Nik Mat sebelum ini secara peribadi berharap pemilihan Muktamar Tahunan Pas Pusat Ke-53 ditangguhkan bagi membolehkan parti memberi tumpuan sepenuhnya kepada persiapan menghadapi pilihan raya umum.

Harapan itu semestinya ada kaitan dengan kebimbangan Menteri Besar Kelantan itu mengenai kemungkinan timbulnya pergeseran di kalangan ahli-ahli parti ketika berlangsungnya proses pemilihan sehingga menjejaskan keutuhan parti.

Oleh kerana hasrat beliau untuk menangguhkan pemilihan parti tidak kesampaian, Nik Abdul Aziz cuma mampu mengingatkan para perwakilan berfikiran matang ketika memilih barisan kepimpinan yang menggabungkan ulama dan profesional dalam pelbagai bidang.

Baginya, pimpinan Pas bukan lagi sekadar mentadbir masjid dan surau, malah ke peringkat menerajui negeri dan negara, serta berdepan dengan ruang lingkup global.

Muktamar Tahunan Pas akan berlangsung di Pusat Tarbiyah Islamiyah Kelantan (Putik) dari 1 hingga 3 Jun ini, ketika masa depan pemerintahan Pas di Kelantan yang melewati tiga penggal semakin sukar diramal.

Ada yang beranggapan negeri inilah benteng terakhir Pas bagi membolehkannya kembali lantang untuk memerintah negara dan bukan sekadar mempertahankan apa yang ada atau menjadi pembangkang yang lebih kuat di mana-mana.

Justeru muktamar kali ini juga medan yang sesuai untuknya memperlihatkan kekuatan sokongan rakyat kepada Pas terutama di Kelantan setelah ia mengambil beberapa langkah popular dengan merintis beberapa program kebajikan.

Pimpinan Pas tentunya percaya ahli-ahli parti boleh menjurus kepada persiapan menghadapi pilihan raya ketika keadaan agak getir apabila Kerajaan Pusat, satu demi satu menghidangkan suasana *feel good* termasuk kenaikan gaji kakitangan awam.

Mungkin dengan meniuapkan semangat pilihan raya, bahang pemilihan dapat diredakan tetapi mungkin juga ini kesempatan untuk menyaring pemimpin bagi memastikan hanya yang boleh berfungsi ke arah pengukuhan parti, terus dikekalkan.

Ada kalangan pemerhati berpendapat muktamar kali ini bakal menentukan barisan kepimpinan untuk dipertaruhkan bagi membawa panji-panji parti

itu memasuki medan pertarungan pilihan raya umum.

Walaupun media kurang memperkatakan tentang muktamar itu namun kerancangan kempen dikatakan berlangsung dalam senyap tetapi lebih panas berbanding pemilihan sebelum ini.

Jawatan Presiden yang disandang oleh Datuk Seri Abdul Hadi Awang masih berpihak kepadanya apabila pencalonan di peringkat kawasan di seluruh negara hanya menyenaraikan nama beliau.

Namun jawatan nombor dua parti yang dianggap cukup penting dan bakal mencorakkan masa depan Pas mencuri tumpuan dan desas-desus bahawa Nasharuddin Mat Isa yang baru menyandang jawatan itu selama sepenggal akan dicabar akhirnya terjawab.

Ketua Dewan Ulama Pas, Datuk Harun Taib, 64, yang mendapat pencalonan di beberapa negeri mengesahkan untuk mencabar Nasharuddin yang mengambil alih jawatan itu setelah menewaskan penyandang ketika itu Hassan Shukri.

## Konservatif

Kenapa Nasharuddin, 46, tokoh muda yang tidak kekok menukar jubah kepada kot dan bertali leher itu dilihat oleh sebilangan pendukung Pas perlu digantikan dengan imej Harun yang konservatif.

Mungkin kerana beliau kelihatan membawa imej kontemporari dan suara golongan muda untuk cuba keluar daripada pendekatan-pendekatan tradisional Pas supaya parti itu diterima oleh semua golongan.

Golongan ini semakin tidak kekok untuk bersuara dan menonjolkan diri dalam keadaan-keadaan tertentu tanpa perlu mengikut hierarki.

Harun sebelum ini dikatakan tidak cenderung untuk bertanding dan namanya dicalonkan oleh beberapa kawasan di Kedah, Perak dan Terengganu sekadar mesej protes bagi mengingatkan Nasharudin serta barisan kepimpinan yang ada tentang perlunya gaya lama parti dikekalkan.

Menurut berapa sumber dalaman parti, rasa tidak senang ini timbul ekoran pertembungan golongan konservatif dan progresif, lama dan muda yang semakin jelas.

Golongan konservatif kini seakan tidak selesa apabila pemimpin di era 80-an yang bergerak atas landasan seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Jemaah Islah Malaysia (JIM) kini mula mendapat tempat dalam Pas.

Sedangkan golongan konservatif melihat mereka adalah golongan sejati



ABDUL HADI AWANG



NASHARUDDIN MAT ISA

## Muktamar kali ini juga bakal menyaksikan sejauh mana peningkatan kepercayaan terhadap golongan wanita untuk berada dalam saf kepimpinan Pas

yang mencorakkan Pas sebenar kerana asal mereka lahir melalui parti dan bukan melalui wadah lain.

Kelompok ABIM dan JIM kini mula 'jelas' bersama Pas dan seterusnya diberi tempat dalam parti terutama pada pemilihan 2005.

Mereka mula dilihat dengan corak penampilan dan pendekatan yang semakin sederhana, sehingga jurang dengan UMNO pula semakin sukar untuk dibezakan oleh mata umum.

Nasharuddin walaupun dikatakan tidak pernah berada di wadah lain selain Pas, namun bekas pensyarah Universiti Islam Antarabangsa itu dilihat mulai senada dengan pemimpin dari golongan progresif dan kalangan profesional lainnya.

Difahamkan pemilihan untuk beberapa jawatan lain termasuk Ahli Jawatankuasa Pas Pusat serta Dewan Muslimat turut tidak terkecuali dari menyaksikan pertembungan aliran konservatif dan progresif.

Sementara itu bagi jawatan Naib Presiden pula, daripada tiga penyandang, hanya kedudukan Datuk Husam Musa semakin kukuh berbanding Mohamad Sabu dan Datuk Hassan Ali berdasarkan jumlah pencalonan yang diterima.

Husam ternyata cukup menyerlah sebagai bayangan pemimpin Pas masa depan, cuma terlalu awal bagi perwakilan melonjakkannya ke kedudukan Timbalan Presiden.

Jika muktamar kali ini menjadi medan terbaik untuk menyusun pakej barisan pimpinan sebelum memasuki gelanggang pilihan raya umum, pastinya kedudukan Hassan tergugat dengan popularitinya semakin surut.

Mohamad Sabu pula, walaupun diakui kehebatannya sebagai 'ayam sabung' parti, namun penonjolannya sebagai pemimpin tertinggi sebuah parti Islam yang progresif mulai dirasakan tidak sesuai.

Muktamar kali ini juga bakal menyaksikan sejauh mana peningkatan kepercayaan terhadap golongan wanita untuk berada dalam saf kepimpinan Pas.

Hanya seorang wakilnya, Dr. Lo'Lo' Ghazali berada dalam Jawatankuasa Kerja Pas Pusat manakala Dr. Siti Mariah Mahmud tewas dalam cubaan mendapatkan salah satu kerusi Naib Presiden semasa muktamar lalu.

Jawatan Ketua Dewan Pemuda Pas pula akan terus disandang oleh Salahudin Ayob buat penggal ketiga apabila Timbalan Ketua Dewan Pemuda, Idris Ahmad yang mendapat pencalonan di beberapa negeri dikatakan tidak bersedia mencabarnya dan akan bertanding bagi kerusi Jawatankuasa Kerja Pas Pusat.

Perjalanan muktamar kali ini suatu perkembangan yang cukup menarik untuk dinantikan ketika bahang pilihan raya kian hangat.